



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO AHAD			
TARIKH	:	18/7/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	10
JABATAN	:	PERHILITAN			

Harimau belang betina serang Orang Asli ditangkap

Syamilla Bihai masuk perangkap

Kosmo, 18 Jul
2021_10

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG – Seekor harimau belang betina digelar Syamilla Bihai yang sebelum ini menyerang seorang lelaki Orang Asli di Kampung Badak, Pos Bihai, di sini akhirnya berjaya ditangkap Khamis lalu.

Harimau belang yang mengalami kecederaan di kepala, tengah badan, leher dan ekor itu dipercayai luka akibat pergelutan dengan mangsa serangan iaitu lelaki Orang Asli, Adin Andok, 48, kira-kira dua minggu lalu.


Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) negeri dalam satu kenyataan semalam berkata, pihaknya menerima aduan mengenai kehadiran haiwan itu di kawasan berkenaan daripada penduduk kampung pada 5 Julai lalu.

Katanya, anggota Perhilitan telah memasang kamera pemantauan di sekitar kawasan penemuan itu dua hari selepas aduan dilakukan.

"Hasil pemantauan daripada kamera yang dipasang, kita dapat ada harimau belang berkeliraran di kawasan berkenaan.

"Oleh itu, seramai lapan orang kakitangan Perhilitan telah menjalankan operasi tangkapan dan pemasangan satu unit perangkap harimau di kawasan kejadian tersebut pada 12 Julai (Isnin lalu)," katanya.

Menurut kenyataan itu, harimau itu telah masuk dalam perangkap tersebut kelmarin dan akan dipindahkan ke Pusat Penyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC), Sungkai, Perak untuk rawatan susulan.



HARIMAU belang betina digelar Syamilla Bihai yang cedera akan dipindahkan ke NWRC Sungkai, Perak untuk rawatan susulan.

— IHSAN PERHILITAN



KERATAN Kosmo! 7 Julai 2021.

Katanya, Perhilitan negeri akan terus menjalankan pemantauan dan kawalan di kawasan tersebut bagi menjamin keselamatan penduduk dan hidupan liar.

Akhbar Kosmo! pada 7 Julai lalu melaporkan, Adin, parah dicakar harimau belang ketika berada di kebun ubi kayunya di

Kampung Badak, Pos Bihai.

Mangsa terpaksa menahan kesakitan akibat kecederaan dicakar harimau itu kira-kira 15 jam sebelum dibawa keluar menggunakan kenderaan pacuan empat roda ke Hospital Gua Musang dan Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai untuk rawatan lanjut.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my

